



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
17 Ramadhan 1441 / 11 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 17 Ramadhan 1441H bersamaan 11 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** yang telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 134 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **6 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang

lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **108 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,575 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 169 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 16,037 ujian.
5. Sementara itu berhubung dengan pengesanan kontek-kontek bagi Kes 139, 140 dan 141, seramai 114 kontek kes telah menjalani ujian SARS-COV-2 di mana kesemuanya telah disahkan negatif. Setakat ini, hasil penyiasatan kes belum mengenalpasti punca jangkitan, walau bagaimanapun penyiasatan mendapati bahawa kemungkinan besar Kes 141 ialah yang pertama mempunyai tanda-tanda jangkitan dan telah menjangkiti Kes 139 dan 140. Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan penyiasatan lanjut untuk mengenalpasti punca jangkitan pada masa ini.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita dirahmati dan segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam dibebaskan daripada wabak COVID-19. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 17 Ramadhan 1441H / 11 Mei 2020